Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media
Press Release

For Immediate Release

MAKLUMAN TERKINI BERKENAAN PENGGODAMAN LAMAN SESAWANG KERAJAAN OLEH PENGGODAM TIDAK DIKENALI

Cyberjaya - Lanjutan daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) awal hari ini berkenaan dengan isu penggodaman laman-laman sesawang Kerajaan oleh penggodam yang tidak dikenali, SKMM dengan ini mengesahkan bahawa kebanyakan serangan adalah dalam bentuk 'Distributed Denial of Service (DDOS)' yang menghalang pengguna Internet daripada mengakses laman-laman sesawang tersebut.

Secara keseluruhannya, Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM telah mengesan gangguan perkhidmatan di 91 laman sesawang, dimana 51 daripadanya merupakan laman sesawang berkaitan Kerajaan. Daripada 91 laman sesawang ini, 76 telah pulih setakat ini, sementara usaha pemulihan pada kadar segera juga sedang dilakukan. Pada kebiasaannya, sekiranya laman sesawang telah digodam, pentadbir laman sesawang akan menilai tahap kerosakan dan seterusnya menyambung semula akses kepada laman sesawang itu selepas membuat proses pemulihan. Dalam kebanyakan kes, langkah mengukuhkan tahap keselamatan adalah sebahagian daripada proses tersebut.

Setakat jam 4.00 petang tadi, kebanyakan laman sesawang berkaitan Kerajaan sudah boleh diakses oleh orang awam. Didapati laman-laman sesawang ini sama ada tidak mengalami sebarang kesan akibat gangguan ataupun telah pulih semula daripada serangan.

[Tamat]

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media
Press Release

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.
Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Muhamad Tahir Muhamad Noor
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Suraya Za'afar
Penolong Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my